



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

🌐: www.umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

☎: +609-6684217

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD. 665.
Tarikh : 17 Februari 2025
Bersamaan : 18 Syaaban 1446H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2025

KADAR BAYARAN PELEKAT KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2025

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penetapan semula kadar bayaran pelekat kenderaan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bermula tahun 2025.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kadar bayaran pelekat kenderaan di UMT telah ditetapkan melalui Pekeliling Bendahari Bilangan 15 Tahun 2021.



- 2.2 Namun dengan mengambil kira kenaikan harga kos cetakan pelekat kenderaan, semakan terhadap kadar pelekat kenderaan telah dilaksanakan dan penetapan semula kadar ini telah dipersetujui oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Bil. 1 Tahun 2025 pada 5 Februari 2025; dan
 - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-68 (Bil. 1 Tahun 2025) pada 9 Februari 2025.

3. KADAR BAYARAN PELEKAT KENDERAAN DI UMT YANG DILULUSKAN BERMULA TAHUN 2025

Kadar bayaran bagi pelekat kenderaan di UMT bermula tahun 2025 adalah seperti Jadual 1 berikut:

KADAR BAYARAN PELEKAT KENDERAAN BERMULA TAHUN 2025

KATEGORI	KENDERAAN	KADAR BAHARU BERMULA 2025	
KHAS	Motorsikal	1 pelekot pertama percuma. Kedua dan seterusnya RM10 (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 2 tahun
	Kereta	1 pelekot pertama percuma. Kedua dan seterusnya RM20 (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 2 tahun
STAF	Motorsikal	1 pelekot pertama percuma. Kedua dan seterusnya RM10 (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 2 tahun
	Kereta	1 pelekot pertama percuma. Kedua dan seterusnya RM20 (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 2 tahun
PELAJAR PRASISWAZAH (Pelajar memilih 1 sahaja, motorsikal atau kereta)	Motorsikal	RM5/ pelekot (Terhad 1 pelajar, 1 pelekot sahaja)	Tempoh sah 1 tahun
	Kereta	RM10/ pelekot (Terhad 1 pelajar, 1 pelekot sahaja)	Tempoh sah 1 tahun
PELAJAR PASCASISWAZAH (Pelajar memilih 1 sahaja, motorsikal atau kereta)	Motorsikal	RM5/ pelekot (Terhad 1 pelajar, 1 pelekot sahaja)	Tempoh sah 1 tahun
	Kereta	RM10/ pelekot (Terhad 1 pelajar, 1 pelekot sahaja)	Tempoh sah 1 tahun
TERHAD UMUM (Kenderaan pekerja kontraktor)	Motorsikal	Kekal RM5/ pelekot (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 1 tahun
	Kereta	Kekal RM10/ pelekot (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 1 tahun
TERHAD KHUSUS (Kenderaan Syarikat)	Motorsikal	RM10/ pelekot (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 1 tahun
	Kereta	RM20/ pelekot (Tiada had beli pelekot)	Tempoh sah 1 tahun
Bayaran denda RM20 bagi setiap kecuaiian/ kehilangan pelekot kenderaan atau DIKECUALIKAN dengan sokongan laporan polis			

Jadual 1: Kadar baharu pelekot kenderaan UMT bermula tahun 2025

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 15 Tahun 2021: Kadar Bayaran Pelekat Kenderaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai tarikh 1 Mac 2025.

Sekian, terima kasih.

"Kebersamaan UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Penolong Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Digital)
5. Penolong Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat)
5. Fail